

UNIT KAJIAN ILMIAH YAYASAN TA'LIM

AUTORITI KHABAR AHAD

TERJEMAHAN DARIPADA FASAL KITAB: AL-INTISAR LI
ASHABIL HADITH OLEH IMAM ABUL MUZAFFAR AL-
SAM'AANI

TERJEMAHAN: MUHAMMAD ASRIE BIN SOBRI

1438 H/2017 M

PENDAHULUAN PENTERJEMAH

الحمد لله حمداً كثيراً طيباً مباركاً فيه كما يحب ربنا ويرضى والصلة والسلام على النبي المصطفى وعلى آله وصحبه، أما بعد؛

Risalah kecil dan ringkas ini merupakan terjemahan satu fasal daripada kitab: (*Fusul min Kitab: Al-Intisar li Ashabil Hadith*) yang dikumpul oleh Fadhilat Al-Syaikh Muhammad bin Husin Al-Jizani –hafizahullah- daripada serakan kitab (*Al-Intisar li Ashabil Hadith*) karangan seorang Ulama' besar Ahli Sunnah Waljamaah bermazhab Al-Syafii: **Al-Imam Abul Muzaffar Mansur bin Muhammad Al-Sam'aani**.

Imam Al-Sam'aani dilahirkan di wilayah Khurasan pada tahun 426 H dalam keluarga yang penuh dengan suasana ilmu di mana ayah beliau; Abul Mansur Al-Sam'aani adalah seorang Qadhi dalam Mazhab Hanafi. Imam Al-Sam'aani dibesarkan ayah beliau sehingga menjadi Faqih Mazhab Hanafi dan mampu berdebat dengan tokoh-tokoh besar Mazhab Syafii di zaman beliau antaranya: Imam Abu Nasr Ibnu Sabbagh pada tahun 461 H di Baghdad.

Kemudian, pada tahun 468 H, selepas menunaikan fardu Haji, Imam Abul Muzaffar Al-Sam'aani mengisyiharkan menukar mazhabnya kepada Al-Syafi'iyyah dan mendapat tempat yang penting dalam kalangan Syafi'iyyah, kitab beliau dalam Usul Al-Fiqh: ***Qawati' Al-Adillah*** menjadi salah satu sumber utama bagi Usul Fiqh Mazhab Al-Syafii sehingga berkata Al-Subki daripada Fuqaha' Syafi'iyyah: "Aku tidak mengetahui adanya dalam Ilmu Usul Fiqh kitab yang lebih baik dan lebih terhimpun daripada *Al-Qawati'*". Al-Zarkasyi pula berkata: "ia adalah kitab Syafi'iyyah yang paling penting dalam Usul Fiqh dari sudut nukilan dan argumentasi".

Imam Al-Sam'aani wafat pada tahun 489 H dan meninggalkan beberapa karya agung dalam memberi khidmat kepada Manhaj Ahli Sunnah Waljamaah antaranya: ***Tafsir Al-Sam'aani***, ***Qawati' Al-Adillah*** dalam Usul Al-Fiqh, dan kitab dalam 'aqidah antaranya: ***Al-Intisar li Ashabil Hadith*** yang diterjemahkan satu fasal daripadanya ini.

Abul Muzaffar juga mempunyai murid yang menjadi tokoh penting Ahli Sunnah Waljamaah iaitu: **Qiwamus Sunnah Abul Qasim Isma'il bin Muhammad Al-Taimi Al-Asbahani** (*Qiwamus Sunnah Al-Asbahani*) pengarang kitab: ***Al-Hujjah fi Bayan Al-Mahajjah***.

Antara pujian Ulama terhadap Abul Muzaffar –rahimahullah- adalah:

- 1) Imam Abu 'Ali bin Al-Saffar: "Jika aku berdebat dengan Abul Muzaffar maka seakan-akan aku berdebat dengan seorang Imam Tabi'inin disebabkan apa yang aku dapati pada beliau daripada kesungguhan mengikut jejak Solihin".

- 2) Imam Ibnu Qayyim Al-Jauziyah: "*Imam pada zamannya, disepakati kedudukan beliau sebagai Imam...*"
- 3) Berkata Imam Al-Zahabi: "*Beliau telah bersungguh-sungguh mempertahankan Ahli Hadith dan Sunnah dan Jama'ah, beliau adalah duri yang menusuk mata kelompok menyeleweng, hujah bagi Ahli Sunnah*".

Pujian para Ulama terhadap Abul Muzaffar dan pengiktirafan terhadap ketokohan beliau dalam Ilmu Usul Fiqh dan 'Aqidah menzahirkan betapa pentingnya risalah ini dalam membela manhaj Ahli Sunnah Waljamaah dalam membantah syubhat kelompok Ahli Bid'ah dalam isu: Khabar Ahad.

Isu ini merupakan isu klasik yang malar segar, senantiasa ada kelompok sesat akan membangkitkan persoalan ini bagi menjadi medium mereka menolak Hadis-hadis Nabawi seterusnya mencela pegangan Islam yang murni. Atas dasar itu saya melihat keperluan menterjemahkan fasal ini dari kitab Imam Abul Muzaffar kerana ia ringkas, padat, dan mencapai maksud insya-ALLAH bagi mereka yang insaf dan mendapat hidayah ALLAH ta'ala.

Akhir kata, saya bermohon kepada ALLAH ta'ala semoga risalah ini menjadi sebab hidayah kepada manusia untuk kembali kepada manhaj Ahli Sunnah Waljamaah yang tulen dan semoga ALLAH menjadikannya sebagai salah satu kebaikan yang akan memberatkan Mizan saya nanti di Akhirat. *Wallahul Muwaffiq wal Hamdulillahi Rabbil 'Alamin.*

Muhammad Asrie bin Sobri

Eksekutif Dakwah, Yayasan Ta'lim

Berkata Al-Imam Abu al-Muzaffar Mansur bin Muhammad Al-Sam`aani – rahimahullah- (w.489H) dalam kitab beliau: *Al-Intisar li Ashabil Hadith*:

Fasal:

Sekarang kita akan menjawab pula perkataan mereka yang telah lalu sebutnya: (*Bahawa Khabar Ahad tidak diterima dalam perkara yang memerlukan ilmu (keyakinan) -yakni: Itiqad-*) dan ini adalah modal huru-hara yang dilakukan Ahli Bid`ah dalam usaha mereka menolak Khabar (Hadis) serta mencari dalil hanya bersandar kepada penelitian aqal.

Maka kita jawab dengan memohon Taufiq ALLAH:

Sesungguhnya Khabar jika sahih daripada Rasulullah sallallahu `alaihi wa sallam dan diriwayatkan oleh perawi Tsiqah dan para Imam, sanadnya juga bersambung oleh generasi khalaf daripada generasi salaf sampai kepada Rasulullah sallallahu `alaihi wa sallam dan diterima oleh Umat; maka ia memberikan faedah `ilmu (keyakinan) dalam perkara yang jalan mencapainya adalah dengan ilmu (keyakinan).

Ini adalah pendapat seluruh Ahli Hadis yang tekun dalam kalangan yang berpegang teguh dengan Sunnah.

Adapun pendapat yang menyatakan bahawa Khabar Ahad tidak memberikan ilmu sama sekali dan tidak dapat tidak khabar yang memberikan ilmu itu mestilah diriwayatkan secara mutawatir adalah satu pendapat yang direka-reka oleh kaum *Qadariyyah* dan *Muktazilah* dan tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk menolak Khabar lalu diambil oleh segolongan Fuqaha' (Ahli Fiqh) yang tidak mempunyai ilmu yang teguh dan tidak mengetahui tujuan ucapan mereka ini¹.

Jika semua Firqa dalam kalangan Umat ini insaf pastilah mereka akan mengakui bahawa Khabar Ahad memberikan faedah ilmu; hal ini kerana kamu melihat sekalipun mereka bercanggah dalam jalan dan aqidah namun setiap golongan berdalihan dengan khabar ahad untuk membela mazhab yang mereka pegang:

¹ Penolakan terhadap Hadis Ahad masyhur di sisi Muktazilah atas alasan ianya memberi faedah Zhan (sangkaan) kemudian pendapat ini diikuti seluruh Ahli Kalam; Asya'irah, Maturidiah, dan 'Aqlaniah Moden. Hakikatnya kelompok ini tidak memahami bahawa maksud Zhan dalam isu Hadis Ahad adalah Zhan Al-Rajih (Sangkaan Kuat) yang lebih berat kepada yakin, bukan syak wasangka, zhan yang dicela ALLAH dalam Al-Quran adalah Syak Wasangka tanpa dalil, adapun zhan rajih adalah hujah dalam agama.

Muktazilah: Firqa Ahli Kalam yang mendahulukan 'aqal atas wahyu dan berpegang dengan Usul Khamsah: Tauhid yakni: menafikan sifat ALLAH, Al-'Adl (Keadilan Ilahi) yakni: menafikan Qadar, Al-Wa'iid: yakni pelaku dosa besar tidak diampunkan dan kekal dalam Neraka, Manzilah bainal Manzilatain: Pelaku dosa besar tidak dinamakan Mukmin mahupun Kafir tetapi Fasiq, dan Amar Makruf Nahi Munkar: iaitu memberontak kepada pemerintah dan memaksa aqidah mereka dengan mata pedang ke atas kaum Muslimin. **Qadariah** pula merujuk kepada kumpulan yang menafikan Qadar, antaranya adalah Muktazilah.

-Kamu dapati bahawa golongan Qadariyyah berdalilkan dengan sabda Nabi sallallahu `alaihi wa sallam:

(كُلُّ مُؤْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفُطُرِ¹)

(*Setiap anak yang dilahirkan, dia dilahirkan dalam keadaan fitrah*)

Juga dengan sabda baginda sallallahu `alaihi wa sallam (hadis Qudsi):

(خَلَقْتُ عِبَادِي حُنَّعًا فَاجْتَنَّتْهُمُ الشَّيَاطِينُ عَنِ دِينِهِمْ²)

(*Aku ciptakan hamba-hambaKu dalam keadaan hanif lalu Syaitan menculik mereka daripada agama mereka*).

-Kamu juga dapati *Murjiah* berdalilkan dengan sabda baginda sallallahu `alaihi wa sallam:

(مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ، قَالُوا: وَإِنْ رَأَى وَإِنْ سَرَقَ! قَالَ: نَعَمْ وَإِنْ رَأَى وَإِنْ سَرَقَ³)

(*Sesiapa yang mengucapkan: La Ilaha Illallah, pasti masuk Syurga, lalu mereka bertanya: Walaupun dia berzina dan mencuri? Jawab baginda: Ya, walaupun dia berzina dan mencuri*).

-Kamu dapati *Rafidhah* berdalilkan dengan sabda baginda sallallahu `alaihi wa sallam:

(جُنَاحٌ يَقُولُ مِنْ أَصْحَابِي فَيُسْلِكُ بِهِمْ دَارَ الشَّمَاءِ، فَأَقُولُ: أَصْحَابِي أَصْحَابِي، فَيَقُولُ: إِنَّكَ لَا تَدْرِي مَا أَحْدَثْنَا بَعْدَكَ إِنَّهُمْ لَئِنْ يَرَوْا
مُرْتَدِينَ عَلَى أَعْقَابِهِمْ⁴)

(*Akan dibawa segolongan sahabatku lalu dibawa ke arah kiri, lalu aku berkata: Para sahabatku! Lalu dikatakan kepadaku: Sesungguhnya kamu tidak tahu apa yang mereka telah ada-adakan selepas kewafatan kamu. Sesungguhnya mereka sentiasa murtad setelah kewafatanmu*).

-Kamu dapati *Khawarij* pula berdalilkan dengan sabda baginda sallallahu `alaihi wa sallam:

(سَبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقَاتَلَهُ كُفُرٌ⁵)

(*Mencela muslim itu kefasikan dan memeranginya adalah kekufuran*).

¹ Al-Bukhari (1358, 1359), Muslim (16/207)

² Muslim (17/196)

³ Muslim (2/94)

⁴ Al-Bukhari (4623)

⁵ Muslim (2/54)

Juga dengan sabda baginda sallallahu `alaihi wa sallam:

(لَا يَرْبِّي الرَّازِقُ حِينَ يَرْبِّي وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ)¹

(Tidak berzina seseorang yang berzina dalam keadaan dia beriman ketika dia berzina itu, dan tidak mencuri seorang yang mencuri dalam keadaan dia beriman ketika dia mencuri itu).

Juga hadis-hadis lain yang dijadikan oleh firqah-firqah sebagai dalil mereka.

Juga telah masyhur lagi diketahui bahawa Ahli Sunnah sentiasa berdalil dengan Hadis dan kembali kepadanya, maka ini merupakan ijmak mereka menerima Khabar Ahad.

Demikian juga, Ahli Islam telah bersepakat baik generasi mereka yang terdahulu mahupun yang terkemudian untuk meriwayatkan hadis-hadis berkenaan Sifat-sifat ALLAH 'azza wa jalla, dalam masalah Qadar, rukyah (melihat ALLAH), Usul Iman, sifat Syurga dan Neraka, dalam perkara Targhib (menggalakkan kebaikan/pahala) dan Tarhib (menggerunkan pelaku maksiat/dosa), Janji baik dan ancaman terhadap pelaku maksiat, kelebihan Nabi sallallahu `alaihi wa sallam, manaqib para Sahabat baginda, khabar para Nabi terdahulu, demikian juga khabar berkenaan Raqaiq (melunakkan hati), nasihat-nasihat, dan segala yang menyerupainya (yang jalan mencapainya adalah ilmu) yang sangat banyak tidak terhitung.

Semua perkara ini adalah berbentuk Ilmiyyah (teori) bukan `Amaliyyah (praktikal) dan hanyasanya ia diriwayatkan kerana ia memberikan ilmu kepada pendengarnya, maka jika kita katakan: (Khabar Ahad tidak boleh memberikan ilmu) maka kita telah menyatakan bahawa Umat seluruhnya berada atas kesalahan, melakukan perkara sia-sia dan tidak bermanfaat dan seolah-olah mereka telah menghimpunkan dalam urusan agama mereka apa yang tidak boleh dijadikan rujukan dan sandaran.

Boleh jadi perkataan ini membawa kepada yang lebih buruk kerana Nabi sallallahu `alaihi wa sallam telah menyampaikan agama ini kepada seorang demi seorang dalam kalangan Sahabat baginda; supaya mereka menyampaikan pula kepada Umat dan meriwayatkan daripada baginda, maka jika tidak diterima periyawatan kerana rawinya seorang maka 'aib ini akan kembali kepada penyampai yang awal (yakni: Rasul), kita berlindung kepada ALLAH daripada ucapan dan kepercayaan yang jelek ini.

Antara dalil yang menunjukkan hal ini juga (autoriti hadis ahad): Bahawa telah masyhur Nabi sallallahu `alaihi wa sallam mengutuskan utusan kepada para Raja: *Kisra*², *Qaisar*³, *Raja Iskandariah*, *Ukaidar*⁴ *Daumah*, dan lain-lain dan menulis kepada mereka surat yang telah makruf diriwayatkan.

¹Al-Bukhari (2475), Muslim (2/41)

² Raja Farsi

³ Raja Rom

⁴ Raja negeri Daumah

Sesungguhnya baginda mengutuskan para utusan ini seorang demi seorang dengan tujuan menyeru kepada ALLAH dan membenarkan kerasulan baginda untuk menegakkan hujah dan memutuskan keuzuran berdasarkan firman ALLAH 'azza wa jalla:

﴿رَسُّلًا مُّبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لَنَّا لَا يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَىٰ اللَّهِ حُجَّةٌ بَعْدَ أَرْسَلْنَا﴾
النساء: ١٦٥

(Para Rasul diutuskan sebagai pembawa khabar gembira dan pemberi ancaman supaya tidak ada lagi hujah bagi manusia atas ALLAH setelah diutuskan para Rasul)

Maksud ini tidak akan tercapai melainkan setelah sampainya ilmu kepada mereka yang diutuskan kepadanya berkenaan pengutusan tersebut, mengetahui siapakah yang diutuskan, mengetahui bahawa surat itu benar daripadanya, dan seruan itu benar-benar datang daripadanya.

Adalah Nabi kita sallallahu `alaihi wa sallam diutuskan kepada seluruh manusia dan kebanyakan para Nabi diutuskan kepada satu kaum tanpa kaum yang lain. Tujuan baginda mengutuskan para utusan ini kepada para Raja dan menulis surat kepada mereka adalah untuk menyebarkan dakwah di seluruh kerajaan dan menyeru seluruh manusia kepada agama baginda mengikut arahan ALLAH ta'ala. Jika khabar ahad tidak memberikan ilmu dalam perkara agama, tentulah baginda tidak akan bercukupan sekadar menghantar seorang sahaja daripada Sahabat baginda sebagai utusan dalam perkara ini.

Demikian juga dalam banyak urusan baginda sallallahu `alaihi wa sallam bercukupan menghantar seorang sahaja daripada Sahabat baginda antaranya:

- Baginda mengutuskan `Ali radiallahu `anh untuk mengisyiharkan di musim haji di Mina: (bahawa tidak boleh lagi bagi kaum Musyrikin selepas tahun ini mengerjakan haji, tidak boleh lagi ada yang tawaf di Ka`bah dalam keadaan telanjang. Sesiapa yang mempunyai perjanjian dengan Nabi sallallahu `alaihi wa sallam maka tempohnya hanya kekal selama empat bulan sahaja, dan tidak akan masuk Syurga kecuali jiwa yang beriman). Apa yang diisyiharkan ini mestilah memberikan faedah ilmu kepada orang yang diisyiharkan kepadanya perkara ini sehingga jika mereka melanggarnya, Rasulullah sallallahu `alaihi wa sallam mempunyai keluasan untuk memerangi mereka.
- Demikian juga baginda sallallahu `alaihi wa sallam mengutuskan Mu`adz radiallahu `anh ke Yaman untuk mengajak penduduknya memeluk Islam dan mengajarkan mereka agama jika mereka memeluk Islam.
- Baginda juga mengutuskan kepada Ahli Khaibar (Yahudi Khaibar) berkenaan kes pembunuhan seorang utusan menyatakan kepada mereka: (sama ada kamu membayar diat atau kamu mengisyiharkan perang dengan ALLAH dan RasulNya).

- Baginda juga mengutuskan kepada Yahudi Bani Quraizah Abu Lubabah bin Abdul Munzir dengan mengarahkan mereka mengikut hukum beliau.
- Demikian juga telah datang kepada Ahli Quba' seorang utusan sahaja ketika mereka sedang solat di Masjid lalu utusan itu memberikan khabar perubahan kiblat ke arah Masjidil Haram, lalu mereka segera berpaling ketika dalam solat dan mereka bercukupan dengan khabarnya sedangkan dalam kondisi itu memerlukan ilmu akan kejadian tersebut.
- Adalah Nabi sallallahu `alaihi wa sallam menghantar para pengintip ke negeri-negeri Kafir dan baginda cukup menghantar seorang dan menerima perkhabarannya dan kadang-kadang baginda melakukan serangan dan rampasan (terhadap negeri kafir) berdasarkan perkhabaran pengintip yang seorang itu.

Sesiapa yang memerhatikan dengan benar keadaan Nabi sallallahu `alaihi wa sallam dan sirah baginda tentulah tidak tersembunyi padanya apa yang kami telah nyatakan dan tidak ada yang membantah perkara ini kecuali orang yang degil lagi sompong.

Jika kamu gambarkan dalam diri kamu bahawa kamu mendengar langsung daripada Abu Bakar Al-Siddiq atau `Umar Al-Faruq atau selain mereka berdua daripada para pemuka Sahabat radhiallahu `anhuma meriwayatkan kepada kamu daripada Nabi sallallahu `alaihi wa sallam berkenaan satu perkara dalam urusan i`tiqad, seperti: Keharusan melihat ALLAH ta'ala, atau menetapkan Qadar, atau lainnya, pasti kamu akan dapati hati kamu tenang menerima perkataan mereka dan tidak ada sedikit keraguan pun berkenaan kebenaran perkataan mereka.

Pada zaman kita ini, kamu mendapati seseorang itu mendengar daripada gurunya - yang dia berulang-alik belajar kepadanya dan percaya akan kedudukan gurunya yang terkehadapan dan dipercayai- bahawa gurunya mendengar pula daripada gurunya yang memberitahu kepadanya (mengajarkannya) sebahagian daripada aqidahnya yang dia akan bawa bertemu ALLAH dengannya dan dia mempunyai keyakinan yang keselamatannya (di Akhirat) ada pada kepercayaan tersebut; maka terhasil bagi pendengar satu ilmu (keyakinan) berkenaan mazhab yang dinukilkan gurunya di mana dia tidak ada perasaan sangsi lagi mahupun syak.

Demikian jugalah dalam banyak perkhabaran yang jalan capaiannya melalui ilmu terdapat dalam kalangan manusia, lalu mereka memperoleh ilmu melalui khabar tersebut dan sesiapa yang memeriksa dirinya sendiri dia akan mengetahui hal ini.

Ketahuilah bahawa khabar itu walaupun ia mempunyai kemungkinan benar atau dusta, mempunyai ruang untuk zhan dan kesilapan, tetapi apa yang kami sebutkan di sini (berkenaan keyakinan melalui khabar ahad) tidak akan mencapainya melainkan setelah dia menghabiskan kebanyakan waktunya dengan ilmu hadis, melakukan pencarian berkenaan latar belakang perawi; sehingga dia menyaksikan sendiri keutuhan ilmu mereka, ketekunan mereka dalam mengetahui ilmu ini, kejujuran dan warak dalam tindak tanduk dan perkataan mereka, sikap mereka yang sangat berhati-

hati daripada tergelincir ke dalam kesalahan, keprihatinan mereka yang bersungguh-sungguh dalam mempersiapkan ilmu ini, menyiasat latar belakang perawi, dan mengetahui mana yang sahih dan mana pula yang tidak sahih daripada khabar.

Mereka itu sungguhlah –semoga ALLAH merahmati mereka dan menurunkan keredhaanNya ke atas mereka- jika dibunuh sekalipun tidak akan membenarkan sama sekali seseorang mereka-reka walau satu kalimah atas nama Rasulullah sallallahu `alaihi wa sallam, demikian juga mereka sendiri tidak akan melakukannya (dusta atas nama Rasul). Mereka telah menyampaikan agama ini kepada kita seperti mana asalnya yang sampai kepada mereka. Mereka telah melaksanakan apa yang telah ditugaskan kepada mereka. Mereka itu sangat benar dalam ketelitian dan fokus mereka berkenaan ilmu ini yang tidak dapat digambarkan dengan sebarang sifat dan tidak ada ucapan yang dapat memberikan gambaran penuh berkenaannya.

Apabila seseorang itu telah mengenali keadaan mereka ini, mengetahui hal-ehwal mereka, merasai sendiri sikap jujur, warak, dan amanah mereka; ketika itu akan tampaklah kepadanya keyakinan berkenaan apa yang mereka nukilkan dan riwayatkan dan tidak berhajat lagi kepada apa yang kamu sebutkan (berkenaan dalil-dalil keyakinan Khabar Ahad)¹. *Wallahu Waliyyut Taufiq wal Ma`unah.*

¹ Kesimpulan Imam Abul Muzaffar ini amat tepat dan inilah hakikat sebenar punca penolakan Ahli Kalam terhadap Khabar Ahad kerana kekurangan yang sangat ketara mereka terhadap Ilmu Hadith riwayat dan dirayat. Mereka meletakkan Falsafah Yunani & Mantik Aristotle sebagai hakim penentu aqidah mereka melebihi Wahyu, maka keraguan mereka terhadap Wahyu adalah sesuatu yang dijangka dan bukanlah mengejutkan, na'uzubillah min zalik.